

27 JUN 2000

OIC-Mahathir /I

UMAT ISLAM MESTI SEDIA HADAPI BAHAYA GLOBALISASI, KATA DR MAHAHTIR

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Negara-negara Islam mesti berhenti bertelagah antara satu sama lain dan bersiap sedia bagi menghadapi cabaran dan bahaya globalisasi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata: "Saya menaruh harapan agar mesyuarat Menteri-menteri Luar negara-negara OIC akan dapat mengenal pasti bahaya dan cabaran yang dibawa oleh globalisasi dan mengambil langkah ke arah mengurangkan perbezaan antara kita."

Mereka mesti menumpukan perhatian dalam mendapatkan pengetahuan untuk memerangi penyalahgunaan Teknologi Maklumat (IT) yang digunakan untuk menghancurkan nilai-nilai, kepercayaan dan ke tamadunan Islam, kata beliau dalam ucaptamanya di perasmian sesi ke 27 Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam (ICFM), di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, "Penyelesaian ada pada kita dan antara kita. Kita boleh memilih untuk meneruskan dengan pertelagahan remeh antara kita atau kita boleh bersatu padu atau secara bersendirian menghadapi ancaman sebenar kepada Islam."

"Kita mempunyai kuasa dan keupayaan untuk menggalak dan mempertahankan perjuangan Islam dan ummahnya. Jika kita memilih untuk tidak berbuat demikian, kita tidak harus menyalahkan orang lain. Kita sebagai orang Islam yang patut dipersalahkan," kata beliau kepada lebih kurang 1,000 perwakilan dari 56 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Walaupun ia agak keterlaluan untuk mengharapakan umat Islam bersatu dalam sekelip mata, Dr Mahathir berkata, "kita sekurang-kurangnya boleh belajar memahami dan membimbangi bahaya yang bakal kita hadapi dalam sebuah dunia tanpa sempadan dan mengurangkan perpecahan antara kita, dan perpecahan antara negara-negara Islam."

Beliau berkata, umat Islam boleh mempelajari sains dan teknologi baru kerana Islam menuntut umatnya menimba pengetahuan dan menyiapkan diri untuk mempertahankan diri mereka.

"Sebilangan umat Islam harus ditugaskan untuk memperolehi pengetahuan dan kemahiran dalam era maklumat bagi membolehkan kita mengejar pengkritik dan musuh kita," kata beliau dalam ucapan yang disiarkan secara langsung ke seluruh negara oleh RTM.

Ucapan itu juga dipancarkan ke Brunei, Turki, Filipina dan Iran.

Beliau berkata, "kita berada di ambang era maklumat dalam globalisasi. Kita tidak berada jauh di belakang. Kita boleh jika kita mahu mengejar mereka. Jika kita menunggu mereka akan berada jauh di hadapan dan sekali lagi kita tercicir."

"Ia satu tugas yang berat. Halangan kepada usaha itu akan datang dari umat Islam sendiri yang bimbang mereka akan kehilangan pengaruh dan kuasa ke atas ummah jika anggota masyarakat mereka lebih berpengetahuan," kata Dr Mahathir.

Buat masa ini, Dr Mahathir berkata, umat Islam tidak bersedia menghadapi kesan-kesan negatif yang terbit daripada globalisasi kerana mereka masih mundur daripada segi teknologi dan miskin daripada segi ekonomi.

Beliau berkata, "Disebabkan oleh rasa kecewa sebahagian umat Islam ataupun sebahagian negara Islam, akan membuat tindakan melulu. Kita akan digelar sebagai pengganas dan negara dicap sebagai pangkalan bagi serangan pengganas."

"Apa yang kita dapat capai melalui tindakan itu tidak lebih daripada masalah kecil tetapi padah yang dikenakan terhadap kita adalah dashyat bagi semua rakyat kita. Kita kemudiannya akan saling marah memarahi dan rakyat kita akan mengkritik kita kerana gagal memperjuangkan kepentingan orang

Islam," kata beliau.

"Tetapi kita tahu dengan keupayaan kita sekarang, penggantungan kita sepenuhnya bagi senjata daripada mereka yang menekan kita; kita tahu yang penentangan terbuka terhadap mereka yang menekan kita tidak akan membawa apa-apa hasil," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, "pada ketika ini, jika mereka mahu menghapuskan umat Islam dan negara-negara Islam dari muka bumi, mereka boleh. Jika mereka belum berbuat demikian ia bukan kerana mereka mengambil berat terhadap kita."

Bagaimanapun, beliau berkata, "dunia ini tidak dicipta oleh Allah untuk bukan Islam sahaja; dunia ini tidak dicipta agar umat Islam menjadi mundur, hilang maruah diri dan ditindas. Dunia ini adalah untuk kita juga."

-- BERNAMA

GM PR AKD